

31/03/2001

Kilang digesa kurangkan barang import

Zainab Mohd Yatim

PENGILANG tempatan digesa mengurangkan kandungan barangan import dalam kegiatan pengilangan bagi membantu kerajaan merangsang ekonomi negara daripada kemelut kelembapan ekonomi global.

Timbalan Presiden Persatuan Pengilang Malaysia (FMM), Datuk Mustafa Mansur berkata, ini penting bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Kesannya, wang yang dijana daripada aktiviti ekonomi itu boleh digunakan untuk membangunkan struktur sosioekonomi negara ini.

"Saya sarankan kepada semua dalam industri pembuatan, seharusnya duit yang dijana digunakan untuk membantu memperkuat ekonomi negara seperti membangunkan sekolah atau hospital dan bukannya untuk faedah negara lain.

"Kita harus menggunakan barangan tempatan dan jika membeli dari luar, kita bantu negara asing dengan duit kita," kata beliau ketika ditemui selepas mempengerusikan seminar kebangsaan mengenai Pelaburan Dalam Sektor Pekilangan, di Kuala Lumpur semalam.

Menurut Mustafa daripada kajian FMM, tahap keyakinan pengilang tempatan agak kurang dan fakta ini ditunjukkan oleh kurangnya tempahan eksport dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini yang sangat lembap.

"Tahap keyakinan dikalangan pengilang memang terjejas kerana mereka bimbang dengan keadaan semasa global," katanya.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan pengilang supaya tidak terdorong dengan arah aliran semasa dan meneruskan aktiviti dengan sepatutnya.

Peruntukan dana RM500 juta untuk Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini kepada sektor industri kecil dan sederhana (SMI), patut digunakan dengan sebaik-baiknya.

"Dana yang diumumkan kerajaan merupakan satu langkah yang memberangsangkan dan sangat yang baik dilaksanakan oleh kerajaan. Sebagai rakyat kita alu-alukan," kata Mustafa.

Dalam pada itu, beliau juga menasihatkan pengusaha mengembangkan skop operasi mereka untuk merangkumi lebih daripada satu aktiviti.

Ini penting kerana pengembangan aktiviti boleh mengurangkan risiko kegagalan jika sesuatu bidang yang diceburi mendapat persaingan sengit daripada pesaing lain.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), Nik Zainiah Nik Abdul Rahman, berkata peserta IKS dan pengilang, khasnya, perlu mempunyai ketahanan minda dan disiplin yang baik dalam membuat sesuatu perkara.

Ini bagi memastikan bahawa mereka boleh memanfaatkan apa saja sumber yang ada sebaik mungkin.

"Lakukan yang terbaik dalam apa situasi sekalipun," kata beliau.

Rahsia untuk bersaing, katanya, pengusaha mesti mempunyai inovasi yang tinggi dan mempunyai idea yang berbeza daripada orang lain.

(END)